

PENYAMPAIAN WATIKAH PELANTIKAN DAN SESI TOWNHALL BERSAMA JAWATANKUASA PERWAKILAN PENDUDUK NEGERI TERENGGANU SESI 2017 - 2019



YB Dato' Haji Mohd Jidin Bin Shafee (Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Kesejahteraan Bandar Negeri Terengganu) telah menyempurnakan Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan dan Sesi Townhall bersama Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) Negeri Terengganu bagi Sesi 2017. Majlis yang diadakan pada 19 September 2017 bertempat di Dewan Besar, Wisma Darul Iman, Terengganu, turut dihadiri oleh YB Datuk Halimah binti Mohamed Sadique (Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar

Perumahan dan Kerajaan Tempatan) dan YBrs. Tuan Haji Zamri bin Salleh (Timbalan Ketua Setiausaha [Kesejahteraan Bandar], KPKT)

KPKT telah melantik 1,414 orang Anggota JPP Negeri Terengganu bagi penggal kedua untuk tempoh dua (2) tahun mulai 15 April 2017 hingga 14 April 2019. Pelantikan ini telah menjadikan Negeri Terengganu mencapai 80 peratus keanggotaan JPP yang lengkap mengikut zon.



Matlamat asal tiga (3) objektif utama penubuhan JPP adalah untuk mengalakkan penyertaan penduduk dalam program dan pembangunan kawasan setempat, membantu menangani isu-isu kesejahteraan bandar dan meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan serta mewujudkan hubungan yang baik antara masyarakat dalam kawasan kejiranannya setempat.

Sehingga 31 Ogos 2017, sebanyak 2,272 Zon JPP telah ditubuhkan di seluruh Semenanjung Malaysia dan seramai 14,726 Anggota JPP yang telah dilantik. Ini adalah selaras dengan Bab 3 Bidang Fokus B Rancangan Malaysia Ke-11 iaitu untuk memperkasa komuniti untuk membina masyarakat yang produktif dan sejahtera. Jpp mula ditubuh pada 2014.

KPKT juga telah menyalurkan Pemberian Peruntukan Khas KPKT kepada empat (4) kawasan Parlimen iaitu Besut, Setiu, Hulu Terengganu dan Kemaman yang mana setiap Parlimen menerima sebanyak RM30,000.00. Peruntukan yang telah disalurkan pada 7 Mac 2017 itu adalah bagi penganjuran program/aktiviti bersama JPP yang meliputi:

- i. Aktiviti Gotong-royong;
- ii. Program Pendidikan;
- iii. Program Pengurusan Sisa Pepejal; dan
- iv. Program Ramah Mesra Bersama Masyarakat.



Bagi mempromosikan JPP sebagai inisiatif Kerajaan untuk mewujudkan struktur formal di kawasan bandar, KPKT telah membina sebanyak 70 buah Centre of Urban Wellbeing (CUBE) bagi kegunaan JPP di seluruh negara. Bagi Negeri

Terengganu, sebanyak tujuh (7) CUBE telah diwujudkan dengan peruntukan sebanyak RM770,000.

Sumber: Unit Komunikasi Korporat, KPKT